MESTI BACA

Resusitasi Kardiopulmonari (*Cardiopulmonary Resuscitation, CPR*)

1. **Resusitasi kardiopulmonari** adalah bantuan kecemasan yang melibatkan teknik gabungan tekanan di bahagian dada dan hembusan ke dalam mulut mangsa.
2. Kaedah **tekanan dada** untuk membantu peredaran darah di dalam badan mangsa manakala **kaedah hembusan** membolehkan udara beroksigen masuk ke dalam trakea dan sampai ke peparu.
3. Cara yang betul untuk melakukan CPR ialah dengan cara melakukan tekanan dada sebanyak **30 kali** diikuti dengan **2 kali hembusan** mulut ke mulut dilakukan secara berulangan sehingga ambulans tiba atau sehingga mangsa sedar.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 6(a) - (d)

peredaran darah
30
Resusitasi kardiopulmonari (CPR)
hembusan
tekanan dada
ambulans
beroksigen
2
hembusan mulut ke mulut

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

6. Rajah di bawah menunjukkan Hazriq sedang melakukan bantuan kecemasan pada Mui Kian yang pengsan semasa waktu rehat di sekolah.

(a) Apakah jenis bantuan kecemasan yang dilakukan itu?

_____

(b) Nyatakan **dua** teknik yang terlibat dalam bantuan kecemasan tersebut.

_____

_____

(c) Mengapakah bantuan kecemasan ini penting?

Untuk membantu _____ di dalam badan mangsa dan membolehkan udara _____ masuk ke dalam badan mangsa.

(d) Terangkan secara ringkas bagaimana bantuan kecemasan ini dilakukan pada mangsa tersebut.

Tekanan dada sebanyak _____ kali diikuti dengan _____ kali _____ mulut ke mulut dilakukan secara berulangan sehingga _____ tiba di tempat kejadian.

LIVEWORKSHEETS